

## Bengkel...

LEBIH 60 pegawai dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Sabah menghadiri Bengkel Peningkatan Amalan Perhubungan Awam di Dewan Resital Universiti Malaysia Sabah (UMS) selama dua hari mulai Rabu lalu.

Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Datuk Dr Joachim Gunsalam yang mewakili menterinya, Datuk Seri Hj Hajiji Hj Noor merasmikan penutupan bengkel itu, yang dianjurkan oleh UMS dan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah (KKTP). Pada majlis sama, Dr Joachim juga melancarkan dua buku hasil penyelidikan daripada Unit Penyelidikan Warisan Borneo (BoHRU), Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan UMS dengan kerjasama Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Buku itu ialah Teka-Teki Warisan Peribumi Sabah – Konteks, Fungsi dan Pengkategorian serta Dokumentasi –Teka-Teki, Peribahasa dan Cerita, Jenaka Lisan Orang Kadazandusun, Murut, Bajau dan Melayu Brunei.

Penulis dan penyumbang kepada buku-buku tersebut ialah Dr Low Kok On, Datuk Dr Janathan Kandok, Rosliah Kiting, Sim Chee Cheang, Saidatul Nornis Hj Mahali, Awang Asri Awang Ibrahim, Esterlina Moo, dan Chin Len Lazarus.

Dalam gambar, Dr Joachim (kiri) menyampaikan sijil kepada Setiausaha Majlis Perbandaran Tawau Aftar Nurajat selaku wakil peserta bengkel. Turut kelihatan, (dari kanan) Dr Low, Dekan Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Prof Dato' Mohd Hamdan Hj Adnan dan Timbalan Naib Canselor UMS, Prof Dr Shahril Yusof yang mewakili Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

